

CNS8807

U PB 05-04 00172 BC047

AAB

Mahathir - Sabah

SYARIKAT AUDIT AWAM DILANTIK TELITI KEWANGAN NEGERI SABAH

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Kerajaan akan melantik sebuah syarikat audit awam untuk mengaudit akaun Yayasan Sabah dan kedudukan kewangan kerajaan negeri itu semasa pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri juga berkata, Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan diminta menjalankan siasatan untuk mengenalpasti sekiranya berlaku sebarang penyelewengan di negeri itu.

"Kita berhajat untuk menyiasat segala-galanya seperti mengenalpasti sama ada berlaku penyelewengan di Yayasan Sabah dan anak-anak syarikatnya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata Kementerian Kewangan telah diarah melantik syarikat audit yang akan melaksanakan tugas itu.

"Kerajaan Persekutuan ingin memastikan sebuah kerajaan yang bersih, cekap, amanah dan bertanggungjawab di negeri Sabah," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional, selepas mesyuarat MT itu yang berlangsung selama tiga setengah jam. -- Lagi.

▼05/04/19-47MST

CNS8826

U PB 05-04 00154 BH616

BAH

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu membincangkan dengan panjang lebar kedudukan negeri Sabah dan apa yang harus dibuat selepas diambil alih Barisan Nasional (BN).

"MT UMNO bersetuju dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan Negeri Sabah yang bersih, cekap, amanah dan bertanggungjawab," katanya.

Katanya, kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk membangunkan Sabah semasa pemerintahan BN dan antara caranya ialah dengan membawa para pelabur daripada Sememajung dan Sarawak ke negeri itu.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai pengguguran Datuk Dr Jeffrey Kitingan sebagai Pengarah Yayasan Sabah selepas dikatakan "dijanji" terus kekal pada jawatan itu sehingga diberikan jawatan lain apabila beliau (Dr Jeffrey) membuat keputusan keluar daripada PBS.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah membuat janji seumpama itu kepada Dr Jeffrey dan begitu juga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ataupun Ketua Menteri, Tan Sri Sakaran Dandai. -- Lagi.

▼05/04/20-13MST

CNS8840

R PB 05-04 .00138 BC049

AAB

Mahathir - Sabah 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, MP UMNO juga membincangkan isu-isu yang dibangkitkan PAS semasa Kempen Pilihan raya Kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Lundang bulan lepas.

Katanya, PAS telah membuat kenyataan-kenyataan yang tidak tepat terhadap ucapan-ucapannya berhubung dengan hukum hudud.

"Dia (PAS) kata saya hendak buat tafsiran baru (berhubung hukum hudud). Itu bukan saya yang hendak buat," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada mesyuarat itu membincangkan kerugian besar Bank Negara sebanyak RM9,000 juta pada tahun 1992 dan RM5,700 juta tahun lepas dalam urusan di pasaran hadapan kewangan.

Katanya, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, telah menjelaskan keadaan sebenar perkara itu, tetapi tiada sebarang keputusan dibuat. -- Bernama.
AH HK AZ.